

Bantu pelajar kawasan pendalaman

Empat pelajar terima manfaat menerusi Jejak Kasih Empower ECER

HULUDUNGUN - Seramai empat pelajar dari kawasan pendalaman Hulu Dungun menerima manfaat menerusi program Jejak Kasih Empower Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Dungun yang dilaksanakan, di sini, baru-baru ini.

Sesi lawatan dari rumah ke rumah telah dilakukan di kediaman empat pelajar itu yang merupakan murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Raja menerusi program anjuran Majlis Pembangunan Wilayah ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZa).

Pengurus Besar, Pejabat ECERDC Negeri Terengganu, Ahmad Fuad Sulaiman berkata, program empower ECER Latihan Akademik di Dungun telah digerakkan bermula 2011 dan sehingga kini ia telah memberi manfaat kepada



Azizah (empat, kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar terpilih pada program Jejak Kasih Empower ECER.

2000 pelajar miskin terdiri daripada pelajar sederhana serta lemah dari segi gred pencapaian akademik.

Menurutnya, ia termasuk siri jejak kasih yang dilaksanakan dan bertujuan mengukuhkan pencapaian prestasi akademik pelajar-pelajar dalam peperiksaan utama seperti

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Bagi 2016, empower ECER Latihan akademik telah dilanjutkan kepada 300 pelajar dari empat sekolah rendah dan empat sekolah menengah di Dungun, iaitu SK Delong,

SK Pasir Raja, SK Padang Pulut, SK Seberang, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paka, SMK Sura, SMK Bukit Besi dan SMK Balai Besar," katanya.

Ahmad Fuad memberitahu, empat pelajar terpilih bagi program jejak kasih kali ini merupakan calon UPSR, iaitu

Muhammad Shazwan Mohd Joharie, Nurazfaradilah Khalid, Nur Addina Farhanim Imran dan Muhamad Azriq Haikal Sahrul Adi.

Katanya, kesemua pelajar itu datang dari keluarga miskin atau berpendapatan rendah dan mempunyai kelemahan dalam aspek akademik tetapi

berpotensi maju ke hadapan. "Sumbangan turut diberikan kepada pelajar yang diharapkan dapat membantu memberi semangat kepada empat pelajar berkenaan," katanya.

Tambahnya, selain latihan akademik, program empower ECER Latihan Akademik turut memberi fokus kepada latihan kemahiran dan keusahawanan bagi golongan belia serta dewasa yang berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik.

"Sehingga kini, seramai 6,946 peserta latihan akademik dan 2,840 peserta latihan kemahiran dan keusahawanan sedang dan telah mengikuti program-program empower ECER di negeri ini," katanya.

Turut hadir pada program berkenaan adalah isteri kepada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Terengganu, Azizah Kadri.